



**192. Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan**

**Lembaga Perolehan Persekutuan**

192.2(a) Keahlian Lembaga Perolehan Kementerian adalah seperti berikut:

**Lembaga Perolehan 'A'**

- Pengerusi** : Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha
- Ahli** : (i) Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan); dan
- (ii) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya.

**Lembaga Perolehan 'B'**

- Pengerusi** : Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha
- Ahli** : (i) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya;
- (ii) Seorang Setiausaha Bahagian/Ketua Bahagian; dan
- (iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.



192.2(b) Keahlian Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut:

## Lembaga Perolehan 'A'

- Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya
- Ahli : (i) Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Perolehan Kerajaan); dan  
(ii) Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

## Lembaga Perolehan 'B'

- Pengerusi : Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya
- Ahli : (i) Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya;  
(ii) **Seorang Pengarah Cawangan; dan**  
(iii) **Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam perolehan yang berkenaan.**

## Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri

192.3(a) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah adalah seperti berikut:

- Pengerusi : **Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah**
- Ahli : (i) **Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah atau wakilnya;**  
(ii) **Pegawai Kemajuan Negeri Sabah atau wakilnya;**



## PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN



- (iii) Ketua Penolong Pengarah Unit Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah atau wakilnya; dan
- (iv) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

192.3(b) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak adalah seperti berikut:

- Pengerusi : Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
- Ahli :
- (i) Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak atau wakilnya;
  - (ii) Pegawai Kemajuan Negeri Sarawak atau wakilnya;
  - (iii) Ketua Pengarah Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya; dan
  - (iv) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

192.3(c) Keahlian Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri adalah seperti berikut:

- Pengerusi : Pegawai Kemajuan Negeri
- Ahli : (i) Pengarah Kerja Raya Negeri atau wakilnya;



- (ii) Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri atau wakilnya; dan
- (iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.

## Lembaga Perolehan Negeri

192.4 Keahlian Lembaga Perolehan Negeri adalah seperti berikut:

- Pengerusi** : Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri
- Ahli : (i) Pegawai Kewangan Negeri, jika tidak menjadi Pengerusi, atau wakilnya;
- (ii) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri atau wakilnya; dan
- (iii) Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan lain yang boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan dari segi pengetahuan/pengalamannya dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.